

19/11/1997

Perkongsian pintar jamin keadilan

KUALA LUMPUR, Selasa - Konsep perkongsian pintar yang diberi penekanan oleh Malaysia kini berkembang di peringkat antarabangsa khususnya di selatan Afrika, kepulauan Caribbean dan negara rantau Asia Tenggara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perkongsian pintar mudah diterima ramai kerana konsep itu menjamin keadilan dan keuntungan kepada semua, bukan sebelah pihak saja.

Menurut Perdana Menteri, Sidang Kemuncak Pertukaran Serantau Asia-Kyushu di Langkawi minggu lalu berjaya mengemukakan kefahaman baru mengenai konsep perkongsian pintar.

Tiga persidangan seumpama itu sudah diadakan bertujuan mengenal pasti pelbagai bentuk kerjasama yang boleh dilakukan oleh kedua-dua pihak.

"Ada pelbagai jenis perkongsian dan ada hanya satu pihak tertentu memperolehi keuntungan yang lebih berbanding rakan kongsinya lain.

"Dalam perkongsian pintar, kedua-dua pihak seharusnya memperolehi keuntungan secara saksama," katanya ketika melancarkan Kempen Satu Kampung Satu Produk dan Promosi Pelancongan Daerah Oita 1997 di sebuah kompleks beli-belah di sini, hari ini.

Promosi itu diadakan sempena Pesta Pelancongan dan Keistimewaan Produk Daerah Oita, Jepun dan berlangsung sehingga 23 November ini. Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohd Zahir Ismail dan Gabenor Oita, Morihiko Hiramatsu.

Dr Mahathir turut merakamkan terima kasih kepada Hiramatsu kerana turut memperkatakan konsep perkongsian pintar ketika ucapan pembukaan promosi itu.

(END)